



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
KHAMIS 30 NOVEMBER 2023

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	HASIL PADI NAIK, TANAH TERBIAR DIBANGUNKAN, DALAM NEGERI, UM -6	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	ROMBAK DASAR USANG MAJUKAN INDUSTRI PADI, UNTUNGKAN PESAWAH, RENCANA, BH -12	
3.	MARDI GIAT HASIL TIGA VARIETI BAWANG MERAH, LOKAL, HM -17	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
4.	HARGA IKAN, SAYUR NAIK TEMPPIAS MONSUN TIMUR LAUT, DALAM NEGERI, UM -33	LAIN-LAIN
5.	BANJIR 2 KALI: PESAWAH KAMPUNG TOK LAWIT GAGAL TANAM PADI, DALAM NEGERI, UM -32	
6.	38 PERATUS USAHAWAN IKS WANITA DI JOHOR, NEGARA, KOSMO -16	
7.	BERAS KELANTAN JENAMA AGRO DARUL NAIM, KELANTAN, HARAKAH -12	
8.	EGG SUBSIDY TO MITIGATE HIGH FARMING COSTS, NEWS, THE STAR -3	

UKK KPBM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPBM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/11/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	6

# Hasil padi naik, tanah terbiar dibangunkan

**KUALA LUMPUR:** Hasil tanaman padi bagi pengeluaran beras putih tempatan sedang meningkat ketika ini.

Menyertai Pertanian dan Kejuruteraan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, peningkatan itu susulan beberapa negeri meniru kaedah penanaman padi di Sekinchan, Selangor dan Bumbung Lima, Pulau Pinang.

Menurut beliau, ia disebabkan kedua-dua tempat itu merekodkan hasil pengeluaran tertinggi di negara ini.

“Di mana padi paling hasilnya tinggi? Saya lihat Sekinchan dan Bumbung Lima. Oleh itu, saya minta langkah segera seperti di Sekinchan dan Bumbung Lima dibuat di tempat lain.

“Antaranya Perlis dan Kedah, hasil di situ lebih kurang enam tan, (kini) naik kepada lebih 10 tan. Di Ketara, (Besut, Terengganu), purata hasil padi empat tan per hektar, apabila kita bawa ala Sekinchan, dia jadi tujuh tan,” katanya ketika wakttu pertanyaan menteri di Dewan Rakyat semalam.

Kata beliau, pihaknya juga sedang berunding dengan pihak swasta bagi membangunkan tanah-tanah terbiar bagi tujuan penanaman padi.

“Memang sekarang swasta juga akan terlibat, termasuk tanah-tanah terbiar, kita sedang berunding dengan pihak swasta kerana kita akan pergi skala besar.

“Kalau kita rancang dengan baja, teknologi dan penyelidikan yang betul, saya yakin kita dapat capai tahap sara diri (SSR) dalam masa singkat. Sebab itu, kita kena anggap 10 tahun akan

datang, tidak ada siapa lagi akan jual beras kepada kita, kita kena fikir ke arah itu,” katanya.

Beliau menjawab soalan tambahan Senator Datuk Aziz Ariffin sama ada kerajaan merancang untuk membangunkan tanah-tanah terbiar dalam usaha untuk meningkatkan hasil tanaman padi dan pengeluaran beras putih tempatan.

Kata Mohamad, cabaran utama kerajaan ketika ini adalah

meningkatkan tahap infrastruk-

tur tanaman padi dalam negara

antaranya dari segi pengairan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/11/2023	BERITA HARIAN	RENCANA	12

# Rombak dasar usang majukan industri padi, untungkan pesawah

● Malaysia masih terperangkap dasar ditetapkan pada era 1960-an dan 1970-an yang mungkin sesuai pada era itu ketika petani sangat miskin, tiada akses maklumat dan jadi mangsa 'orang tengah'

● Sistem perolehan besar menyuburkan korupsi dan ketirisan setiap tahun. Simptom ini menunjukkan sistem semasa yang parah dan perlu perubahan besar



Oleh Datin Paduka Dr Fatimah Mohamed Arshad  
bhrenanca@bh.com.my

Felo Konsultan,  
Institut Pertanian  
Tropika dan Sekuriti  
Makanan, Universiti  
Putra Malaysia

Baru-baru ini kita dikehujungkan peruntukan bagi subsidi dan insentif RM3.67 bilion disalurkan ke Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) sepanjang 2019-2022, hanya RM3.2 bilion sahaja dibelanjakan dan sejumrah RM449 juta lagi tidak diberlakukan.

Laporan Ketua Audit Negara (LKN) 2019 turut merekodkan kelewataran penghantaran baje antara 20 hingga 200 hari. LKAN menghujahkan ini kerugian besar kepada kerajaan dan negara.

Kelewataran menyebabkan produktiviti menu run lantas pengeluaran juga merosot. Malahan Tahap Sarja Diri (SSL) turut mengecil daripada purata 70 peratus satu dekad lalu kepada kepada 65 peratus.

Berdasarkan data Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPBM), sebenarnya yang menanggung rugi besar adalah petani. Mengikut kajian LKAN 2023 dan Universiti Putra Malaysia (UPM), kelewataran pemberian baje memang serius dan terbaris sehingga kini.

Selama separuh abad atau 50 tahun, petani diberikan satu formula campuran baje untuk semua jenis profil tanah. Bererti ada tiga kos dibayar rakyat iaitu perolehan baje, kelewataran dan kualiti baje tidak sesuai.

Menurut petani, jika berlaku proses serentak kemasukan air, biji benih berkualiti dan baje sesuai, hasil padi mampu diperoleh adalah antara lima hingga enam dan bagi setiap hektar.

Akan tetapi proses serentak ini jarang berlaku, sama ada benih lambat tiba atau hampa atau baje sampai lewat. Musim demi musim, petani menjadi mangsa kepada kelembapan sistem agihan benih bermasalah.

Pemusatan agihan baje tanpa sebarang saingan menyebabkan agihan sangat tidak cekap. Bilangan pembekal benih hanya 12 orang menyebabkan kelewataran disamping kualiti benih bermasalah.

Berdasarkan data KPBM, petani hanya mampu mencapai 3.6 tan per hektar dan bukan lima tan. Bermakna, petani kerugian hampir RM1 billion

kerana tidak mencapai hasil maksimum pada 2020. Bererti, struktur sistem agihan input menjerat pendapatan petani.

Mengambil contoh di Thailand, agihan baje dan benih dilaksanakan petani, koperasi dan usahawan swasta. Apabila ramai peserta menyertai, persaingan diwujudkan, petani mempunyai banyak pilihan maka kelewataran dan variasi kualiti baje serta benih diminimumkan. Pada masa sama, Thailand mengeluarkan sebanyak 8.0 peratus baje untuk jumlah penggunaan tempatan.

## Dasar tak lagi sesuai

Malangnya, Malaysia masih terperangkap dengan dasar 1960-an dan 1970-an. Dasar itu mungkin sesuai dengan era itu yang mana petani sangat miskin, tiada akses kepada maklumat dan sering menjadi mangsa kepada 'orang tengah' dan tiada akses kepada kredit.

Berdasarkan kepada andaian ini, kerajaan berpandangan mereka mampu mengatasi masalah ini dengan membabitkan diri dalam beberapa aspek pengeluaran dan pemasaran.

Maka tercetus dasar pemusatuan baje dan input pertanian kepada satu agensi. Baje diimport menggunakan dana Kementerian Kewangan dan dicampurkan dengan urea daripada PETRONAS.

Persatuan Peladang Kebangsaan (NAFAS) bertanggungjawab menjual baje kepada Persatuan Peladang Negeri (PPN) yang menjual kannya kepada Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan kemudian menjual kepada petani. Kaedah ini membolehkan ketiga-tiga entiti mengambil keuntungan daripada perniagaan dibayari orang awam.

Pemusatuan dan perolehan kerajaan bernilai besar adalah peluang terbaik berlakunya rasuah seperti terbukti dalam kebanyakan kes dilaporkan dan didakwa sebelum ini. Tanpa disedari, sebenarnya kos perolehan dan kerugian akibat kelewataran dan ketidakcepatan sebenarnya dibayar orang awam.

Begitu juga andaian penggunaan mesin dan pembinaan kilang besar akan memberi faedah skala ekonomi. Namun sebaliknya berlaku. Kadarnya pemotongan ke atas padi meningkat daripada 17 peratus pada 1980-an kepada lebih daripada 20 peratus sekarang.

Kadar perolehan beras berkira 65 peratus ber-

banding kadar maksimum 75 peratus. Kerugian selepas jentera menuai (jentual) berusia lebih 20 tahun adalah lebih 20 peratus.

Sementara itu, kewujudan syarikat besar monopoli diperlukan untuk mempertahankan kesejahteraan pesawah dan pengguna boleh di pertikaikan.

Selama 50 tahun monopoli import dilaksanakan, nasib petani tetap tidak berubah dan pengguna M40 dan B40 membayar harga beras tidak memenuhi kualiti sebenar kerana kegiatan campur bersa berleluasa akibat kawalan harga ketat ke atas beras tempatan berbanding beras diapungkan.

Pada kurun ke 21, pasaran berubah, akses kepada maklumat terbuka kepada semua. Tua dan muda boleh menggunakan platform dalam talian untuk jual beli baje, mesin, padi dan beras serta produk pertanian. Akan tetapi dasar mengongkong menyebabkan pesawah ketinggalan dan kerugian.

Pemusatuan urusan baje kepada satu agensi selama 50 tahun hanya memberi faedah kepada pegawai atasan agensi dan bukan petani. Walhal jika pasaran dibuka, persaingan akan wujud, mengundang pelbagai peserta seperti petani, usahawan muda, swasta dan koperasi.

Persaingan akan minimumkan kelewataran dan ketidakcepatan malahan mampu menjenakan pelbagai inovasi sama ada aplikasi teknologi dan maklumat (ICT) atau penerapan e-niaga, internet kebondaan (IoT), rantaian blok dan sebagainya. Beban kos kepada kerajaan atau rakyat diminumkan.

Struktur semasa bukan setakat usang, mengikang petani, tetapi menyekat pertumbuhan dan melemahkan inovasi tempatan. Sistem perolehan besar menyuburkan korupsi dan ketirisan setiap tahun. Simptom ini menunjukkan sistem semasa yang parah dan memerlukan perubahan besar.

Bagi meningkatkan kecekapan dan meminimumkan ketirisan, sistem pemusatuan perlu dirungkap, persaingan perlu digalakkan untuk mengelakkan perolehan besar dan korupsi.

Sudah sampai masa pesawah kecil diperkasa dengan kapasiti dan peluang untuk memperbaiki prestasi serta meneroka perniagaan berkaitan padi dan beras. PMKS perlu diwujudkan dengan lebih banyak untuk membangunkan industri berlandaskan padi dan beras yang kini hanya terbatas kepada tepung beras, beras dan bihun berbanding ratusan keluaran di Thailand dan Jepun.

Apabila pesawah kecil diperkasa dengan peluang pelbagai perniagaan berkaitan dengan sawahnya, produktiviti dan pendapatan akan meningkat. Apabila pasaran baje, input, kilang padi dan monopoli beras dibebaskan secara terpimpin dan tersusun, persaingan dan pertumbuhan akan berlaku.

Struktur ini akan mencambahkan syarikat pemula untuk berniaga dalam industri baje, beras dan mendirikan kilang kecil pintar. Persaingan dan pasaran terbuka akan meminimumkan ketirisan kerana peserta menanggung kos perniagaan masing-masing. Kita 'perkasakan yang kecil, tanpa mengelakkan si besar'.



**Putrajaya:** Tidak perlu lagi bergantung bawang merah suatu hari nanti apabila Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) benjaya menghasilkan tiga varieti baharu bawang merah melalui usaha inovasi serta penyelidikan dan pembangunan (R&D) dijalankan sejak 2020.

Ketua Pengarah Mardi Daruk Dr Mohamad Zabawi Abdul Ghani berkata, tiga varieti bawang merah itu adalah BAW-1, BAW-2 dan BAW-3 dilancarkan bersempena Show Tech MAR-DI 2023 pada Ogos lalu, yang sesuai diranam di ta-

mambil keputusan mengambil aktiviti penyelidikan bagi membantu kerajaan mengurangkan kebergantungan kepada import bawang ekoran krisis bekalan bawang import akibat bencana banjir di India pada 2020 yang mengakibatkan harga jualan bawang meningkat sehingga tiga kali ganda dari RM2/kg kepada RM16/kg.

Mohamad Zabawi berkata, Mardi kini giat mengkomersialkan pengeluaran benih dan bahan tanaman yang sesuai diranam di

## Mardi giat hasil tiga varieti bawang merah



Kualiti bawang merah yang diperoleh adalah sama seperti bawang import di pasaran iaitu bersaiz 25 hingga 35 sentimeter”

“Mardi kini dalam fasa permulaan dengan menghasilkan benih bawang dari bawang yang diranam di sebidang tanah berkeluasan satu hektar di ibu pejabat Mardi untuk kami edarkan kepada petani yang kami sudah kenal pasti untuk mereka mulakan penanaman bawang,” katanya.

**Mohamad Zabawi**

Beliau berkata, pengemasian pengeluaran bawang merah Mardi bermula awal tahun hadapan dengan tumpuan kepada pengeluaran benih dan penanaman bawang tani.

cadang untuk mengembangkan plot tanaman bawang sehingga 20 hektar kepada usahawan tani yang berminat di seluruh Malaysia.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/11/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	33

# Harga ikan, sayur naik tempias Monsun Timur Laut

**KOTA BHARU:** Monsun Timur Laut yang membawa hujan lebat dan banjir di beberapa kawasan ketika ini menyaksikan beberapa jenis ikan serta sayur mengalami peningkatan harga.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di Pasar Siti Khadijah di sini mendapati, harga ikan selayang, selar, kembung dan sayur seperti timun batang, terung serta bendi mengalami terutama kenaikan antara RM1 antara RM3 sekilogram (kg). Peniaga ikan, Mohd. Iswadi Daud, 30, berkata, walaupun

berlaku kenaikan, dia tidak berdepan masalah untuk menjual ikan segar buat wakitu ini.

Menurutnya, ini kerana masih ada nelayan yang turun ke laut walaupun berdepan dengan cuaca tidak menentu.

“Ketika ini, harga ikan selayang dijual pada harga RM10/kg berbanding RM8/kg. Ikan ikan kembung dari RM9 naik kepada RM12/kg manakala ikan selar RM14 hingga RM20/kg bergantung kepada saiz,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/11/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	32



JOHARI Chik mengalihikan barang ke tempat lebih tinggi sebagai persediaan awal menghadapi banjir di Kampung Tok Lawit, Hulu Terengganu, semalam. - UTUSAN/NOOR HAYATI MAMAT

## Banjir 2 kali: Pesawah Kampung Tok Lawit gagal tanam padi

Oleh NOOR HAYATI MAMAT  
utusannewspaper@mediamulia.com.my

"Dalam tempoh setahun ini, ada peserta terpalsu ambil upah laktuan kera 'kampung untuk keluarga,' katanya. Ketika ditemui di rumahnya dekat Kampung Tok Lawit di sini, semalam. Menurut Johari, kedasannya banjir cuma sekali sahaja dalam tempoh setahun, tetapi tahun lepas dua kali dan ketiga-dua hari biasa serta tempoh lama. Bagaimanapun, katanya, per-serta projek tersebut diajengka mengisahkan semua tanaman padi pada pertengahan Januari tahun depan.

selas 48 hektar itu. Katanya, ekoran kejadian banjir besar itu, mereka terpaksa menanggung kerugian melebihi RM100,000 setelah pengeluaran padi terjejas dan menurun sehingga 70 tan metrik sahaja. "Projek tanaman paditi manapu kelarukan hasil mencapai 180 tan metrik padi setiap musim mentari. Biasanya kita tanam dua kali dalam tempoh seraham. "Sehingga kini kita belum dapat usahakan semula berikutkan kerja-kerja pembawaan sistem pengairan masih dilakukan.

**HULU TERENGGANU:** Banjir luar biasa sehingga dua kali melanda daerah ini pada tahun lalu menyebabkan projek Tanaman Padi Berkelompok Kampung Tok Lawit, Paya Rapat di sini, tidak dapat diwujudkan sebagaimana kini. Ketua Unit Peladangnya, Johari Chik, 60, berkata, bencana yang berlaku pada Februari dan Disember itu meninggalkan kesan kepada 25 peserta projek yang mengisahkan sawah padi

Foto: Utusan Malaysia



CAMBAR fail sebahagian usahawan wanita IKS yang mengikuti kursus kepimpinan keusahawanan yang diadakan di Johor Bahru tadi-baru ini.

Seramai 42,221 usahawan yang berdaftar di Padu

## 38 peratus usahawan IKS wanita di Johor

man 38.51 peratus dari jumlah keseluruhan 42,221 usahawan yang bercertarif merentasi sistem Padu. Data ini bagaimanapun tidak termasuk dengan pengusaha sektor informal yang kebanyakannya masih tidak berdaftar dengan sistem Padu.

Tajahan Perangkaan Malaysia (DOSM) pada tahun 2021 telah mengeluarkan data mengenai jumlah usahawan wanita dalam negeri Johor terdapat seramai 133,655 individu atau perluca yang terlibat di dalam sektor informal dan industri mikro.

"Jumlah ini mewakili Johor di tangga ketiga sebagai Selangor dengan seramai 271,944 individu atau pemegang lesen wajah Perserikatan Kuala Lumpur dengan seramai 146,256 individu atau seramai 346,256 individu atau pengusaha," katanya pada Sidang Peringkat, katanya pada Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Johor di sini semalam.

Menurut beliau, setakat 27

November lalu, seramai 16,256 usahawan wanita atau

Coleh KHAI'RUL MOHD. ALI  
**ISKANDAR PUTERI** — Dianggarkan sebanyak 38.51 peratus usahawan incilustri kecil dan sechterana (IKS) di negeri ini terdiri dalam khalangan golongan wanita.

Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia Johor, Mohd Hafiz Md Shah berkata, statistik tersebut diperoleh daripada Sistem Pusat Data Usahawan Johor (Padu).

Menurut beliau, setakat 27

November lalu, seramai 16,256 usahawan wanita atau

cadangan kerajaan meru碌udkan hab miliknya ringan yang dihasilkan usahawan wanita di negeri Johor dalam usaha meningkatkan ekonomi mereka.

Mohd. Hairi yang juga merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Larkin turut memberitahu, pihaknya akan membutuhkan satu jawatankuasa khas dalam usaha melibatkan lelah, raihan, polongan wanita dalam bidang keusahawanan.

"Bagi mewujudkan perka

ra ini, saya akan mengelaras

satu jawatankuasa melibatkan

pelabur daerah, pihak berkuasa tempatan (PBT) dan agensi lain seperti Jabatan Perternan dan FAMA ditubuhkan.

Kerjahan juga bercadang

agar para pengumpulan produk IKS sedia ada dapat dinikmati taraf tinggi dan ia boleh dijadikan taraf untuk dijadikan hab IKS bagi menempatkan produk keharuan usahawan wanita termasuk Ibu tunggal dan golongan B40," jelasnya.

  
**SIDANG DUN JOHOR**

Coleh KHAI'RUL MOHD. ALI

**ISKANDAR PUTERI** — Dianggarkan sebanyak 38.51 peratus usahawan incilustri kecil dan sechterana (IKS) di negeri ini terdiri dalam khalangan golongan wanita.

Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia Johor, Mohd Hafiz Md Shah berkata, statistik tersebut diperoleh daripada Sistem Pusat Data Usahawan Johor (Padu).

Menurut beliau, setakat 27

November lalu, seramai 16,256 usahawan wanita atau

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/11/2023	HARAKAH	KELANTAN	12



Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail menjawab soalan di persidangan Dun.

## Beras Kelantan jenama Agro Darul Naim

**KOTA BHARU:** Kelantan akan mengeluarkan beras tempatan jenama Agro Darul Naim sebagai langkah menghadapi cabaran isu keterjaminan makanan.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi Negeri Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, sebuah kilang padi dan beras akan dibina kerajaan negeri tahun hadapan.

Katanya, kerajaan negeri menyediakan peruntukan khas untuk membangunkan kilang padi dan beras yang akan dibina di Meranti, Pasir Mas.

"Insya-Allah, kita akan mengeluarkan beras tempatan sendiri yang akan menggunakan nama Agro Darul Naim," katanya ketika menjawab soalan tambahan Azhar Salleh (PAS-Pulai Chondong) pada sidang Dun Isnin lepas.

Tuan Saripudin juga berkata, kerajaan negeri turut menubuh Jawatankuasa Induk Sekuriti Makanan Negeri Kelantan dipengerusikan Menteri Besar dan Jawatankuasa Kerja Sekuriti Makanan Negeri dipengerusikan Setiausaha Kerajaan Negeri pada 11 Mei 2022.

"Tahun ini kerajaan negeri memberi insentif secara selektif kepada golongan sasar dengan memperuntukan sebanyak RM3.66 juta melibatkan 357 projek pertanian," katanya.

Menurutnya juga Jabatan Pertanian melaksanakan aplikasi teknologi di lapangan melalui kaedah '*participatory observation*' di mana teknologi baru diaplikasi terus ke ladang bagi meningkatkan hasil, kawalan musuh tanaman dan keselamatan makanan.



Beras tempatan jenama Agro Darul Naim sebagai langkah menghadapi cabaran isu keterjaminan makanan.

# Egg subsidy to mitigate high farming costs

**PETALING JAYA:** The government's egg subsidy will help to mitigate high farming costs, says a "cautiously positive" QL Resources Bhd.

The agri-food player, whose net profit rose nearly 31% in the latest second quarter ended Sept 30 (2Q24), expects its "satisfactory" business performance to continue in the upcoming quarter.

This is despite the high interest rate environment and uncertain global economy outlook.

In the 2Q24, QL Resources reported a net profit of RM122.64mil, as compared to RM93.9mil in the corresponding quarter of previous year.

This widened the basic earnings per share to 5.04 sen. Revenue for the period rose by 3.17% year-on-year (y-o-y) to RM1.69bil. The group's integrated livestock farming segment witnessed higher volume and selling price for farm produce in the quarter under review.

However, its current quarter sales decreased marginally against the corresponding quarter mainly due to lower

trading volume and unit selling price for feed raw material.

Earnings, on the other hand, increased by 93% against the corresponding quarter mainly due to improved feed raw material trading margin with lower unit cost as well as strong performance of its domestic farming operations as well as improvement in Indonesia farming operations.

In addition, high input costs were partly mitigated by continued government cost subsidies.

The marine product manufacturing segment's quarterly sales increased marginally against the corresponding quarter mainly due to better performance of fishing activities and fishmeal with good fish landing as well as sustained demand for surimi-based products albeit weaker performance of surimi with stiff market competition internationally.

Earnings were marginally better than the corresponding quarter in line with the sales increase.

"Palm oil and clean energy segments

sponding quarter mainly due to higher project progress in BM GreenTech Bhd. "In addition, palm oil activities benefited from higher fresh fruit bunch tonnage produced and processed as well as higher crude palm oil sales delivery despite lower selling price.

"Earnings were significantly higher against the corresponding quarter mainly due to higher sales and project margin recovery at BM GreenTech. "In addition, improvement registered in palm oil activities with higher yield from plantations, better oil extraction rates as well as improved milling efficiency," QL Resources said in a filing with the stock exchange.

Its convenience store chain segment – FamilyMart retail chain – saw sales increased by 23% against the corresponding period mainly due to 60 new stores opening as well as additional FM Mini set-up during the period.

Earnings increased by 16% in line with higher sales but higher operating cost resulted in margin erosion.